

PAIP sedia 1,224 tangki statik, 34 lori tangki ketika Aidilfitri

Oleh Asrol Awang - April 6, 2024 @ 8:29am
bhnews@bh.com.my



Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) menyediakan 1,224 tangki statik dan 34 lori tangki sebagai persediaan jika berlaku gangguan bekalan air ketika Aidilfitri. - Foto hiasan NSTP

KUANTAN: Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) menyediakan 1,224 tangki statik dan 34 lori tangki sebagai persediaan jika berlaku gangguan bekalan air ketika Aidilfitri.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PAIP, Datuk Saiful Zaini Mohd Bokhari, berkata tangki statik itu ditempatkan di beberapa lokasi berisiko tinggi di setiap daerah bermula 3 April lalu.

Katanya, ia sebagai persediaan untuk insiden luar jangka ketika musim perayaan seperti paip pecah, terputus bekalan elektrik di Loji Rawatan Air (LRA) atau pencemaran sumber air mentah.

"Penyediaan 30 stesen pengisian di seluruh Pahang sebagai persediaan pengambilan air untuk kegunaan agihan bekalan alternatif," katanya pada Majlis Berbuka Puasa PAIP, malam tadi.

"Sebanyak 34 lori tangki PAIP dalam keadaan baik dan sedia bagi penghantaran bekalan air alternatif jika berlaku gangguan bekalan.



CEO PAIP, Datuk Saiful Zaini Mohd Bokhari beramah mesra bersama anak yatim pada Majlis berbuka Puasa PAIP di Kuantan.
- Foto NSTP/Asrol Awang

Saiful Zaini berkata, pihaknya turut menyediakan generator dengan kerjasama tenaga Nasional berhad (TNB) bagi LRA yang berada di kawasan berisiko tinggi terputus bekalan elektrik ketika musim perayaan.

Katanya, melalui persediaan awal dan perancangan rapi, PAIP optimis dapat menghadapi kemungkinan gangguan bekalan dengan lebih baik dan kakitangan yang bertugas dapat bertindak lebih pantas seterusnya memberikan keselesaan kepada pengguna.

"Untuk sebarang aduan masalah, pengguna boleh menghubungi Pusat khidmat Pelanggan (PULAPEL) di talian 09-5739999 yang beroperasi selama 16 jam sehari iaitu dari jam 7 pagi hingga 11 malam setiap hari," katanya.